



Ruj. Kami : SMKTP.600-2/1/2 (33)
Tarikh : 31 Mac 2022

Semua Ibu Bapa / Penjaga
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

YBhg. Dato'/Datin/Tuan/Puan,

PEMAKLUMAN PEMBUKAAN SEKOLAH SECARA BERSEMUKA PADA 4 APRIL 2022
SESI PERSEKOLAHAN BAGI KALENDAR AKADEMIK 2022/2023

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat SMKTP.600-2/1/2 (32) bertarikh 14 Mac 2022 adalah berkaitan.

2. Dimaklumkan bahawa semua murid Tingkatan 1, 2, 3, 4, 5, dan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) SMK Tiara Permai akan hadir secara bersemuka sepenuhnya bermula pada 4 April 2022.

3. Seperti yang telah dimaklumkan bahawa bagi sesi persekolahan secara bersemuka yang bermula pada 4 April 2022, semua murid digalakkan untuk memakai pakaian seragam sekolah. Walau bagaimanapun, murid dibenarkan memakai pakaian yang sesuai, kemas dan sopan sekiranya pakaian seragam sekolah sedia ada tidak lagi sesuai dipakai. Sekiranya ibu bapa dan penjaga memilih untuk tidak menghantar anak/anak ke sekolah, ketidakhadiran tersebut tidak dianggap sebagai satu kesalahan disiplin. Namun, ibu bapa/penjaga perlu memaklumkan ketidakhadiran anak/anak jagaan kepada pihak sekolah bagi tujuan rekod. Dimohon juga kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan anak/anak jagaan masing-masing mematuhi Prosedur Operasi Standard atau *Standard Operating Procedure* (SOP) yang masih berkuat kuasa semasa hadir ke sekolah.

4. Untuk pengetahuan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, jumlah keseluruhan murid sehingga 28 Mac 2022 ialah 818 orang murid. Berdasarkan maklumat pengangkutan murid ke sekolah yang diperolehi, 33.99% murid dihantar dan diambil dengan kereta ibu bapa/penjaga, 16.50% murid menggunakan pengangkutan awam/lain-lain berbayar, 14.55% murid berjalan kaki, 13.81% murid dihantar dan diambil dengan motosikal ibu bapa/penjaga, 7.95% murid menggunakan bas sekolah/bas tentera, 4.89% murid berbasikal/lain-lain ke sekolah dan 8.31% murid tidak mengemas kini maklumat pengangkutan ke sekolah.

5. Bagi pergerakan dan penyuraian murid waktu balik, pihak sekolah akan melepaskan terus murid keluar dari kawasan sekolah tanpa dikumpulkan di *foyer* sekiranya ibu bapa/penjaga yang berkereta dan bermotosikal (51.80%) telah sedia menunggu anak/anak jagaan masing-masing. Guru bertugas akan mendapatkan maklumat ini daripada anak/anak jagaan YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. Untuk menjamin keselamatan, murid yang tidak pasti masa kehadiran ibu bapa/penjaga akan dikumpulkan di *foyer* sehingga ibu bapa/penjaga mereka muncul untuk mengambil anak/anak jagaan masing-masing. Manakala bagi murid yang menggunakan bas sekolah/bas tentera, pihak sekolah akan melepaskan murid setelah kenderaan berkenaan telah sedia menunggu.



...6. Bersama-sama ini dilampirkan waktu persekolahan bagi sesi persekolahan tahun 2022/2023 seperti di Lampiran A bagi setiap tingkatan untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan. **Jadual waktu persekolahan ini berkuat kuasa 4 April 2022 hingga 2 Mei 2022 selaras dengan penangguhan aktiviti kokurikulum sepanjang bulan Ramadan.** Murid-murid digalakkan hadir ke sekolah sebelum pukul 7.20 pagi agar pelaksanaan Pembelajaran dan Pemudahcaraan (PdPc) dapat dimulakan tepat 7.30 pagi seperti yang dijadualkan.

7. Untuk makluman YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan, **pihak sekolah akan meneruskan proses pemulangan dan pengagihan buku teks kepada murid-murid pada 4 April 2022.** Sehubungan dengan itu, dimohon kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan untuk memastikan anak/anak jagaan masing-masing yang masih belum memulangkan buku teks dapat berbuat demikian pada hari pertama persekolahan bersemuka.

...8. **YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dialu-alukan untuk berhubung dengan guru kelas anak/anak jagaan masing-masing bagi mendapatkan penjelasan lanjut mengenai pemakluman ini.** Bersama-sama ini dilampirkan senarai nama guru kelas dan penyelarar tingkatan yang terkini seperti di Lampiran B untuk perhatian YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan.

Perhatian dan kerjasama YBhg. Dato'/Datin/tuan/puan dalam perkara ini amat dihargai dan didahului dengan ucapan terima kasih.

Sekian.

"WAWASAN KEMAKMURAN BERSAMA 2030"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menjalankan amanah,



(HAJI AZMAN BIN AB KADIR, AMW)

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

SMK TIARA PERMAI
WAKTU PERSEKOLAHAN BAGI SESI PERSEKOLAHAN 2022/2023
(Berkuat kuasa 4 April 2022 hingga 2 Mei 2022)

KELAS	HARI	PdPc	REHAT	PdPc
Tingkatan 1, 2 & 3 (Kelas Aliran Agama - KAA)	Isnin - Selasa	07.30 - 10.00 pagi	10.00 - 10.30 pagi	10.30 pagi - 2.30 petang
	Rabu - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.00 - 10.30 pagi	10.30 pagi - 2.00 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 1	Isnin - Khamis	07.30 - 10.00 pagi	10.00 - 10.30 pagi	10.30 pagi - 1.00 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 2	Isnin - Khamis	07.30 - 10.00 pagi	10.00 - 10.30 pagi	10.30 pagi - 1.00 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 3	Isnin - Khamis	07.30 - 10.00 pagi	10.00 - 10.30 pagi	10.30 pagi - 1.00 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 4 STEM	Isnin - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.30 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 4 PP	Isnin	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 2.00 petang
	Selasa - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.30 tengah hari
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 4 EKO 4 PG, 4 PSV1 & 4 PSV2	Isnin - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.00 tengah hari
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 5 STEM	Isnin - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.30 tengah hari
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 5 PP	Isnin	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 2.00 petang
	Selasa - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.30 tengah hari
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari
Tingkatan 5 PG & 5PSV	Isnin - Khamis	07.30 - 10.30 pagi	10.30 - 11.00 pagi	11.00 pagi - 1.00 petang
	Jumaat	07.30 - 09.30 pagi	09.30 - 10.00 pagi	10.00 pagi - 12.30 tengah hari



HAJI AZMAN BIN AB KADIR AMW

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur

**SENARAI NAMA GURU KELAS DAN PENYELARAS TINGKATAN
BAGI SESI PERSEKOLAHAN 2022/2023**

BIL.	TINGKATAN	NAMA GURU KELAS	NAMA PENYELARAS TINGKATAN	
7 KELAS	1.	1 AZZAHRA (KAA)	PUAN FATIN FAREEHA BINTI MAZLI	
	2.	1 ANGGERIK		
	3.	1 DAHLIA		
	4.	1 KENANGA		
	5.	1 MAWAR		
	6.	1 ORKID		
	7.	1 SEROJA		
7 KELAS	8.	2 AZZAHRA (KAA)	CIK NURHIDAYAH BINTI BADARUDDIN	
	9.	2 ANGGERIK		
	10.	2 DAHLIA		
	11.	2 KENANGA		
	12.	2 MAWAR		
	13.	2 ORKID		
	14.	2 SEROJA		
7 KELAS	15.	3 AZZAHRA (KAA)	PUAN SITIE FAIZAH BINTI MOHAMAD NOR	
	16.	3 ANGGERIK		
	17.	3 DAHLIA		
	18.	3 KENANGA		
	19.	3 MAWAR		
	20.	3 ORKID		
6 KELAS	21.	3 SEROJA	PUAN NURFAZILAH BINTI MD ISA	
	22.	4 STEM		
	23.	4 PP		
	24.	4 EKO		
	25.	4 PG		
	26.	4 PSV 1		
4 KELAS	27.	4 PSV 2	PUAN TUAN SHARIPAH SALMAH BINTI TUAN ABDULLAH	
	28.	5 STEM		
	29.	5 PP		
	30.	5 PG		
4 KELAS	31.	5 PSV	CIK NIK HUDA NABILA BINTI MUSTAPHA	
	32.	PPKI ANGGERIK		
	33.	PPKI DAHLIA		
	34.	PPKI MAWAR		
		35.	PPKI SEROJA	



HAJI AZMAN BIN AB KADIR *AMW*

Pengetua
SMK Tiara Permai
Kuala Lumpur